

SOALAN NO: 32

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN ISU DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TERESA KOK SUH KIM [SEPUTEH]
TARIKH : 22 MAC 2017
SOALAN :**

YB PUAN TERESA KOK SUH SIM [Seputeh] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Kementerian akan menghendaki semua hospital swasta memberi bil yang menyenaraikan item yang terperinci (*itemized billing*) kepada pesakit. Apakah Kementerian akan mengadakan kawalan ke atas kos perubatan hospital swasta.

Tuan Yang di-Pertua,

Merujuk kepada peruntukan subperaturan 26 (1) dan (3), Peraturan-Peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain) 2006 [*P.U. (A) 138/2006*], Kementerian telah pun melaksanakan mekanisme bagi semua hospital swasta memberi bil yang menyenaraikan item yang terperinci (*itemized billing*) kepada pesakit yang memohon.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa yang sama, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga mengawalselia fi konsultasi dan fi tatacara, selaras dengan perenggan 107(2)(hh), Akta 586 dan Perintah Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta Dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain) (Pindaan) 2013 [P.U. (A) 358].

KKM mengawalselia fi-fi berkenaan melalui –

- (a) aktiviti pemantauan dari semasa ke semasa secara berjadual dan berdasarkan aduan orang ramai; dan
- (b) sekiranya terdapat ketidakpuasan hati oleh orang ramai, pihak hospital adalah bertanggungjawab mengendalikan aduan tersebut selaras dengan Seksyen 36, Akta 586 dan Peraturan 40, P.U. (A) 138/2006.